

RESEARCH ARTICLE

Kearifan tempatan dalam memperkaya citra kesenian di Negeri Pahang

(Local wisdom and the enrichment of artistic identity in Pahang)

Siti Jamilah Mohd Sukri^{1,2*}, Nawaj Nadzri³, Wan Khairul Aiman Wan Mokhtar⁴, Hasanuldin Mohd⁴¹Fakulti Sains Al-Quran, UCYP University, Aras 2, Kompleks Yayasan Pahang, Tanjung Lumpur, 26060 Kuantan, Pahang, Malaysia²Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia³Fakulti Pendidikan dan Pengajian Umum, UCYP University, Aras 2, Kompleks Yayasan Pahang, 26060 Kuantan, Pahang, Malaysia⁴Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

Abstract - Pahang is a state in Malaysia that renowned with customs and cultural heritage. In an era of globalization, the young generations are not really interested to explore the legacy heritage that inherited by ancestors. Hence, the objective of this study is to analyse the uniqueness of arts' legacy that inherited by Pahang's local people. This research employs a qualitative research design primarily through library research data collection. The data obtained from secondary sources such as articles' journal, trusted websites, and digital newspapers. The collected data is analysed through inductive analysis. The analysis indicates the artistic heritage that has been preserved across generations possesses its own distinctive uniqueness and reflects a high level of intellectual sophistication in manifesting the artistic outputs. These include the Royal Pahang Weaving (Tenun Pahang Diraja), renowned for its aesthetic and cultural significance; a variety of Pahang's numerous heritage cuisine; hand-drawn batik featuring Islamic motifs; the distinctive craftsmanship of the traditional perahu jalur boats; traditional Pahang music; and the art of terenang pottery-making, well known by its intricate designs rooted in local wisdom. This research aspires to contribute to existing academic sources and, more importantly, to cultivate interest among the younger generation in valuing and preserving Pahang's artistic heritage in the future.

Abstrak - Negeri Pahang merupakan sebuah negeri yang kaya dengan adat resam dan warisan budaya. Dalam era globalisasi ini, generasi muda semakin kurang berminat untuk menelusuri legasi warisan nenek moyang yang telah diwariskan. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis keunikan legasi kesenian yang diwarisi oleh masyarakat tempatan di negeri Pahang. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif, terutamanya melalui pengumpulan data kajian kepustakaan. Data telah diperolehi daripada sumber-sumber sekunder seperti artikel jurnal, laman sesawang yang boleh dipercayai dan akhbar-akhbar digital. Data-data yang telah dikumpulkan telah dianalisis melalui analisis secara induktif. Analisis telah menunjukkan bahawa citra kesenian yang telah diwarisi daripada sejak berzaman mempunyai keunikan tersendiri dan melambangkan tahap keintelektualan yang tinggi dalam merekayasa hasil produk kesenian. Antaranya, Tenun Pahang Diraja yang kaya dengan nilai estetika, kepelbagaian makanan warisan Pahang batik lukis bermotifkan unsur Islamik, seni pertukangan perahu jalur yang mempunyai keunikan tersendiri, muzik tradisional Pahang serta seni pembuatan tembikar terenang yang terkenal dengan seni halus bercirikan motif tempatan. Penulisan ini diharapkan dapat menambah sumber rujukan yang sedia ada, dan yang utama dapat menyemai minat dalam kalangan generasi muda untuk terus menghargai dan memelihara warisan kesenian Pahang di masa hadapan.

Article History

Received : 19 February 2026

Revised : 7 March 2026

Accepted : 27 March 2026

Published : 30 April 2026

Keywords

Local wisdom

Pahang's artistic heritage

Weaving

Pottery

Cultural heritage

Kata Kunci

Kearifan tempatan

Kesenian Pahang

Warisan budaya

Tenunan

Tembikar

Pendahuluan

Negeri Pahang Darul Makmur merupakan sebuah negeri yang kaya dengan adat resam. Negeri ini telah diiktiraf sebagai negeri yang terbesar di Semenanjung Tanah Melayu iaitu, meliputi 11 buah daerah pentadbiran seperti Pekan, Kuantan, Rompin, Maran, Bera, Jerantut, Temerloh, Raub, Bentong, Lipis dan Cameron Highlands (Portal Rasmi Istana Pahang, 2024). Jumlah keseluruhan penduduk di negeri ini telah melebihi 1.5 juta penduduk yang terdiri daripada pelbagai kelompok etnik termasuk masyarakat Melayu, Orang Asli dan komuniti peribumi yang masing-masing memberi sumbanga terhadap pembentukan citra seni negeri ini. Kearifan tempatan yang merangkumi pengetahuan tradisional, nilai keagamaan, hubungan dengan alam serta amalan hidup masyarakat setempat telah melahirkan pelbagai bentuk kesenian seperti Tenun Diraja Pahang, Makanan Warisan Pahang, Batik Lukis Pahang, Seni Pertukangan Perahu Tradisional Pahang dan Peralatan Seni dan Muzik Tradisional Pahang. Masyarakat Pahang terkenal dengan keunikan citra kesenian tersendiri yang masih terpelihara sehingga masa kini. Ini turut menjadi simbolik kepada kecerdikan nenek moyang pada zaman dahulukala yang mampu berfikir secara kritis dalam memperkaya idea-idea kesenian. Warisan seni ini bukan sahaja menggambarkan ketelitian dan kreativiti nenek moyang, malah juga menjadi satu simbol identiti kolektif masyarakat Pahang yang masih terpelihara hingga kini. Jika tiada usaha untuk memelihara kesenian warisan ini, ianya akan terus ditenggelam zaman. Pengaruh budaya moden dan perkembangan teknologi yang semakin pesat telah

menyebabkan generasi muda kurang berminat untuk mendalami seni warisan pada zaman dahulukala (Yusnizam et al., 2021).

Di sebalik cabaran untuk menarik minat generasi muda supaya menghargai dan memelihara seni warisan Pahang, kerajaan negeri Pahang tetap komited melaksanakan inisiatif untuk mengetengahkan keunikan budaya masyarakat pribumi Pahang. Sebagai contoh, pada 24 Julai 2024, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menerusi Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dengan kerjasama Persatuan Silat Gerak Lian Pahang menganjurkan Festival Kesenian Peribumi Malaysia Pahang 2024 (FesKEP) (Portal Rasmi Majlis Perbandaran Temerloh, 2024) dan pada 4 September 2025, Yayasan Tenun Pahang Diraja, Perbadanan Muzium Negeri Pahang serta Perbadanan Kraftangan Malaysia Cawangan Pahang telah menganjurkan Temasya Warisan Pahang 2025 selama 7 hari di Perkampungan Kraf Diraja Tunku Azizah, Pulau Keladi yang mendapat rekod kehadiran penngunjung seramai 100,000 orang dalam dan luar negara (BERNAMA). Malah, terdapat banyak lagi program-program yang dianjurkan oleh pihak agensi kerajaan Pahang untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat keunikan seni budaya masyarakat tempatan. Oleh yang demikian, kajian yang mendalam berkaitan dengan keunikan kesenian Negeri Pahang amat penting untuk menambahkan sumber rujukan sama ada tujuan penyelidikan dan pembacaan generasi pada masakini dan akan datang. Tambahan pula, kajian berkaitan dengan warisan tradisi masih lagi berkurangan akibat kurangnya minat generasi pada masakini untuk mengeksplorasi kelompongan maklumat-maklumat yang tiada.

Kaedah Kajian

Kaedah kajian merujuk kepada metodologi yang dipilih oleh pengkaji untuk mengkaji sesuatu kajian terutamanya dalam memahami sesebuah fenomena secara mendalam (Mohd Sukri, 2021). Untuk kajian ini, pengkaji telah memilih kaedah kualitatif iaitu melalui analisis menganalisis sumber-sumber sekunder secara induktif. Antara sumber-sumber yang akan digunakan ialah artikel, laman sesawang yang boleh dipercayai dan sumber akhbar digital. Data sekunder merujuk kepada data yang diambil daripada perbincangan para pengkaji dan ilmuwan yang telah dianalisis secara terperinci berasaskan kefahaman sumber-sumber data yang asli (Sulung & Maspawi, 2021). Pendekatan kualitatif pula berupaya mendapatkan maklumat secara terperinci terutamanya dalam isu-isu yang kurang dibahas oleh penyelidik pada masa lalu (Waruwu, 2024) & (Tracy, 2013).

Keunikan Citra Kesenian di Negeri Pahang

Negeri Pahang merupakan sebuah negeri yang kaya dengan adat resam dan mempunyai identiti tersendiri dalam kalangan penduduknya. Antara faktor yang mempengaruhi keunikan adat resam negeri Pahang ialah faktor geografi dan penyebaran agama Islam di samping kekayaan sumber alam semulajadi. Sebagai contoh, menggunakan motif dedaunan dan tumbuh-tumbuhan untuk memmanifestasi unsur alam dan juga menolak unsur-unsur khurafat yang bertentangan dengan Islam (Rosdi, 2017). Disebabkan oleh keunikan kebudayaan yang ada di Pahang, telah menjadi tarikan utama buat pelancong untuk memilih negeri Pahang sebagai destinasi pelancongan dalam kalangan para pelancong di luar mahupun di dalam negara. Malah, Menteri Besar Pahang iaitu, Dato' Sri Wan Rosdy Wan Ismail turut optimis dengan kemajuan industri Eko-Pelancongan di negeri Pahang. Malah, Pahang turut dinobatkan oleh *Tourism Malaysia* sebagai destinasi pelancongan domestik terbaik di Malaysia pada 2019 (Ibrahim, 2020). Selain itu, Ketua Pengarah, YBhg. Dato' Jaafar Sidek Haji Abdul Rahman turut menggalakkan para penyelidik melaksanakan aktiviti-aktiviti penyelidikan yang berkaitan dengan pemeliharaan kesenian yang menjadi simbol keunikan sesebuah etnik. Hal ini demikian kerana generasi muda semakin luntur mengambil tahu seni-seni warisan tradisi yang telah ditinggalkan oleh nenek moyang pada zaman dahulukala. Oleh itu, kebanyakan maklumat berkaitan dengan citra kesenian warisan tidak mempunyai sumber dokumentasi yang pelbagai dan jelas kerana penulisannya tidak direkodkan secara sistematik (Jabatan Arkib Negara, 2024).

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, perkataan citra bermaksud gambaran keperibadian seseorang akan sesuatu perkara sama ada ianya dalam bentuk imej, arca, lukisan, barangan dan perkara-perkara lain yang dapat menonjolkan ciri-ciri keindahan (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005). Citra dalam konteks kesenian bermaksud, suatu gambaran yang terserlah dalam kesenian sesuatu budaya yang wujud dalam kehidupan sesebuah masyarakat hasil daripada interaksi dengan alam dan keadaan sekeliling (Daygaret et al., 2024). Interaksi ini telah membawa kepada pembentukan idea yang kreatif dalam kalangan masyarakat sehingga mampu menghasilkan sesuatu inovasi daripada interaksi sosio-budaya. Ianya turut menjadi simbolik kepada kearifan masyarakat setempat dalam memmanifestasi kesenian mengikut kreativiti tersendiri. Istilah kearifan tempatan merujuk kepada tahap keintelektualan yang amat istimewa dalam menzahirkan kemahiran dan gaya fikir yang dimiliki terhadap sesuatu bidang (Yusof & Ramli, 2020). Dari sudut etimologi, kearifan tempatan terdiri daripada dua perkataan iaitu kearifan (*wisdom*) dan tempatan (*local*). Dari segi istilah, setiap perkataan tersebut perlu difahami secara realiti agar makna tersebut boleh digeneralisasikan. Tempatan bererti lingkungan sesebuah kawasan yang didiami. Manakala, kearifan bermaksud kemampuan melakukan sesuatu mengikut ketertiban yang tinggi (Jundiani, 2018). Daripada perspektif Bahasa Arab, kearifan bermaksud hikmah iaitu, kemampuan memahami sesuatu dengan kefahaman yang jitu (Allen, 2017). Pentakrifan ini sepadan dengan takrif kearifan tempatan yang diberikan oleh English Oxford Living, (2019). Pentakrifannya adalah seperti berikut: "*Exceptional intellectual or creative power or other natural ability*" dan "*An exceptional intelligent person or one with exception skill in a particular area of activity*". Dalam konteks negeri Pahang, wujudnya keunikan citra kesenian yang tersendiri sama ada dalam bentuk makanan warisan, seni pertukangan, tenunan, dan pembuatan tembikar. Ini turut menjadi salah satu bukti keunikan kearifan masyarakat negeri Pahang dalam menonjolkan kemahiran yang dimiliki. Kemahiran ini terbentuk hasil daripada keupayaan masyarakat setempat menggunakan bahan-bahan yang terdapat daripada sumber alam disekitarnya. Sebagai

contoh, dalam penyediaan makanan warisan Pahang, masyarakat negeri Pahang telah menggunakan bahan semula jadi seperti santan, asam rong, belimbing buluh, kunyit, lengkuas dan halia untuk menyediakan pelbagai aneka hidangan. Penggunaan bahan berasaskan herba dalam masakan bukan sahaja sebagai penyedap rasa tetapi juga sebagai bahan penawar untuk meningkatkan tahap kesihatan dalam kalangan masyarakat. (Sukri & Wan Mokhtar, 2025).

Pelbagai kemahiran yang dimiliki oleh masyarakat negeri Pahang ini telah menjadi tarikan utama para pelancong untuk meneroka keunikan kesenian yang terdapat di negeri Pahang (Amiruddin et al., 2018). Ini kerana kebanyakan pelancong berminat melancong ke sesebuah tempat untuk mengeksplorasi keunikan sosio-budaya yang diamalkan oleh masyarakat setempat terutamanya untuk melihat warisan budaya yang telah diamalkan sejak zaman berzaman. Ini juga telah menyumbang kepada perkembangan sektor pelancongan gastronomi halal melalui penggunaan sumber-sumber alam yang semulajadi yang turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi tempatan secara positif (Saffinee et al., 2024). Hal ini demikian kerana, ada segelintir warga tempatan berminat untuk meneruskan legasi ini dengan mengambil upah sebagai pencanting batik, pembuat tembikar dan penun kain tenun Pahang demi memastikan legasi warisan ini terus hidup dalam kalangan masyarakat. Tidak kurang juga ada yang memfokuskan perniagaan berkaitan kesenian Pahang sebagai pendapatan utama agar ianya tidak lapuk dek hujan dan tidak lekang dek panas. Usaha ini merupakan suatu usaha yang perlu disokong dan terus terpelihara agar generasi masakini dan masa akan datang terus mengenali serta menghargai warisan kesenian yang telah diwariskan oleh nenek moyang sejak zaman berzaman (Norazlinda, 2017).

Tenun Diraja Pahang

Tenun Pahang Diraja (TPD) merupakan salah satu seni yang telah menjadi kebanggaan masyarakat negeri Pahang kerana kaya dengan nilai estetika tersendiri. Pada masakini, seni tenunan ini masih mempunyai peminatnya yang tersendiri terutamanya dalam kalangan penggemar tenun. Lebih menarik, di Malaysia para banduan turut diberikan peluang untuk menyertai latihan mengendalikan proses tenunan. Usaha ini berupaya memberikan nilai tambah kepada mereka terutamanya apabila dibebaskan nanti seperti menceburi bidang industri tekstil. Antara daerah yang terkenal dengan perusahaan tenunan ini bermula di daerah Pekan dan kemudiannya berkembang ke daerah lain seperti Kampung Soi. Bahkan Pusat Tenunan Diraja Pahang telah ditubuhkan di Kampung ini yang berada di bawah kelolaan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP). Perusahaan ini semakin berkembang secara optimis dengan tertubuhnya Institut Kemahiran Tenun Pahang Diraja Tengku Ampuan Besar Meriam untuk melatih generasi pelapis, pada 23 Oktober 2013. Manakala, di kawasan lain seperti Felda Chini, Bentong, Penor dan Rompin turut diusahakan perusahaan tenunan secara kecil-kecilan (Jabbar et al., 2015). Unsur kesenian yang terdapat pada tenunan Pahang adanya unsur islamisasi yang boleh dilihat dari segi corak dan motif yang ditonjolkan. Motif bunga dan dedaunan telah digunakan untuk memanifestasi keindahan unsur alam yang telah diciptakan oleh Allah SWT. Motif yang digunakan ini menepati kaedah fiqh halal yang mengharamkan penggunaan sebarang motif yang mempunyai unsur-unsur pemujaan (Rosdi, 2017). Material yang digunakan untuk menghasilkan Kain Tenun Pahang adalah daripada kain yang bermutu tinggi dengan menggunakan corak berkotak-kotak, jalur berdiri dan jalur melintang. Benang kapas dan benang sutera merupakan utama yang digunakan untuk menenun kain supaya kelihatan lebih eksklusif. Selain itu, Kain Tenunan Pahang mengandungi elemen seni halus yang terserlah melalui pemilihan warna dan elemen seperti garis, jalinan, ruang dan bentuk yang menjadi simbol keunikan budaya masyarakat negeri Pahang (Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, 2024).

Allahyarhamah Puan Azizah binti Ismail merupakan antara salah satu tokoh yang pernah diberikan gelaran sebagai adiguru Kraf Tenunan Pahang kerana sumbangan beliau dalam bidang perusahaan tenunan sutera yang terletak di Pulau Keladi, Pekan. Berkat usaha, beliau telah berjaya melahirkan ramai lagi penenun-penenun kain sutera melalui bengkel-bengkel yang telah dianjurkan terutamanya dalam kalangan golongan muda. Bakat tenunan beliau turut diwarisi oleh anak perempuan beliau. Bagi menghargai jasa dan sumbangan beliau, pihak Kraftangan Malaysia telah mengiktiraf beliau sebagai Adiguru Kraf Tenun Pahang pada tahun 1988 (Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, 2024). Kajian yang dilaksanakan oleh Abdul Jabbar et al., (2016), menjelaskan proses penghasilan kain tenunan memerlukan kesabaran kesabaran, ketekunan dan minat yang tinggi kerana ianya melibatkan proses yang rumit. Kain tenunan mempunyai material lembut yang terdiri daripada corak polos, berkotak dan berjalur melambangkan kearifan penenun masyarakat setempat. Kini, dengan sentuhan inovasi kain tenunan Pahang telah berjaya dikomersialkan bukan sahaja di dalam negara, bahkan di luar negara juga.

Keenakan Makanan Warisan Tradisi Pahang

Negeri Pahang Darul Makmur turut terkenal dengan keunikan makanan tradisi yang kebanyakannya masih boleh dinikmati sehingga masakini. Masakan tradisi seperti gulai, kuih-muih dan aneka sambal merupakan antara juadah yang digemari oleh orang ramai. Antaranya adalah, sambal hitam, (Yasmin et al., 2022), tempoyak, sambal belimbing hitam dan puding raja (Shariff et al., 2022), roti orang mati, (Sinar Harian, 2024), nasi kebuli iaitu, makanan tradisional Pahang yang berasal dari Daerah Lipis (Portal Rasmi Majlis Daerah Lipis, 2025), gulai tempoyak ikan patin, gulai asam rong (Jabatan Warisan Negara, 2024) dan kuih 3 beradik yang terdiri daripada badak kubang, kuih pepena, dan dodol kukus. (Bernama, 2025). Chenor merupakan daerah yang popular dengan pembuatan kuih pepena beradik di Chenor. Kuih ini mempunyai rupa yang agak unik seperti bentuk bintang di tengah-tengah dan berwarna hijau. Ianya juga mempunyai bau yang sangat wangi kerana dimasak menggunakan air daun pandan (Mohd Taufiq, 2020). Daerah Temerloh pula sangat sinonim dengan pembuatan ikan patin masak tempoyak. Tempoyak merupakan bahan utama yang telah dimasukkan untuk membangkitkan lagi aroma kesedapan rasa asam pedas tersebut. Manakala daerah Ulu Tembeling, Kuala Tahan pula sinonim dengan masakan gulai asam rong yang dikutip daripada biji pokok getah lalu diproses menjadi asam rong. Proses pembuatan asam rong menggunakan proses penapaian iaitu, asam rong perlu diperam untuk tempoh masa tertentu. Proses

ini amat penting untuk memastikan asam rong boleh disimpan dalam tempoh yang lama. Keunikan rasa dan keenakan makanan tradisi ini telah menjadi faktor tarikan utama kedatangan pelancong dari dalam dan luar negara negeri Pahang (N. Yusof, 2022). Oleh yang demikian, aktiviti seperti festival makanan telah diadakan untuk menarik minat pelancong disamping memperkenalkan makanan tradisi di mata dunia. (Bernama, 2023). Di samping itu, kerajaan turut menggalakkan para usahawan memohon sijil halal untuk memastikan produk makanan selari dengan prinsip halalan tayyiban selain mem (Haisam, 2024).

Batik Lukis Pahang

Batik secara amnya bermaksud satu proses melukis, mencetak, mencelup fabrik menggunakan bahan halangan fizikal ke atas fabrik terutama lilin untuk mengelak bahagian yang diaplikasikan melalui lilin daripada diresapi warna dan kemudian melupuskan bahan halangan berkenaan untuk menampakkan coraknya. (Siti Zainon, 1986). Manakala Piper (2001) menyebut batik berasal dari perkataan Jawa yang merujuk kepada lukisan berasaskan pengilat berlilin yang menggunakan kaedah tradisional bagi menghasilkan tulisan bergambar atau motif yang timbul di permukaan tekstil atau kain. Walaupun seni batik sangat dikenali oleh masyarakat Malaysia tetapi Seni batik Pahang, terutamanya batik lukis, adalah kurang dikenali kalau dibandingkan batik dari negeri Kelantan dan Terengganu. Negeri Pahang sinonimnya lebih terkenal dengan produk kraf tradisionalnya seperti tenun Pahang. Kegiatan seni Batik lukis Pahang boleh ditemui di *Natural Batik Village* yang terletak di Balok, Kuantan. Menurut maklumat yang diperolehi laman sesawang 'Visitmalaysia', *Natural Batik Village* ialah sebuah kilang pameran dan tarikan pelancongan yang menghasilkan Batik, iaitu pakaian tempatan yang diperbuat daripada sutera serta dihiasi dengan motif floral (Laman Web Visitmalaysia, t.t). Fabrik ini merupakan salah satu tekstil tradisional Malaysia yang amat berwarna-warni dan mempunyai akar budaya yang mendalam dalam kalangan masyarakat Melayu. Kilang ini terletak di atas tanah seluas dua ekar di Balok dalam daerah Kuantan di negeri Pahang. Pengunjung boleh menyaksikan sendiri proses penghasilan Batik dan membeli pelbagai barangan Batik di bahagian runcitnya. Penggiat seni batik lukis Pahang yang terkenal di *Natural Batik Village* ialah Encik Ghazali bin Che Omar juga merangkap sebagai pengasas syarikat Natural (Ramli et al., 2018).

Batik lukis Pahang merupakan salah satu simbol keunikan dan kreativiti masyarakat negeri Pahang. Pelukis batik menggunakan motif flora dan fauna untuk memmanifestasikan keindahan alam sekitar yang menjadi lambang kehebatan ciptaan Tuhan. Selain itu, motif figura turut diselitkan dalam lukisan untuk menggambarkan kebudayaan masyarakat setempat (Ramli et al., 2017). Keunikan batik lukis turut dipromosikan melalui kaedah pembuatan yang berkualiti melalui penggunaan lilin sebagai bahan pengasingan warna. Ada sebahagian pelukis batik menggunakan motif geometri dan figuratif untuk memaparkan corak yang bersifat abstrak. Manakala, di Pahang antara corak motif yang digemari oleh pelukis batik antara tempat yang mengusahakan perniagaan Batik Lukis adalah *Natural Batik Village* yang menggunakan motif figuratif, fauna, flora, geometrik, jalur dan titik sebagai motif utama dalam lukisan batik (Ramli et al., 2018). Antara faktor yang mempengaruhi idea batik lukis masyarakat Melayu ialah kedatangan Islam ke Nusantara. Sebelum kedatangan Islam, masyarakat Melayu menghasilkan barangan seni berbentuk lembaga yang bernyawa seolah-olah menyerupai dewa-dewi. Namun, setelah kedatangan Islam, bentuk lukisan seperti itu tidak dibenarkan dan ditukarkan kepada corak-corak lain seperti pokok, lasam tanggamas, sinarmas, terangmas, terang bulan, belah ketupat, jalur Malaysia, serong, retak seribu, solo, yam den lapeh, bintang sore, musang berjanggut, siku keluang dan kijang berjuang. Corak-corak ini kebanyakannya digunakan dalam penghasilan batik sarong (Ismail et al., 2016).

Peralatan Seni dan Muzik Tradisional Pahang

Peralatan seni dan muzik tradisional Pahang melambangkan kreativiti masyarakat Pahang dalam mencipta seni hiburan supaya selari dengan nilai-nilai keislaman. Antaranya ialah penciptaan gendang Pahang. Gendang Pahang merupakan seni muzik tradisi diinspirasi oleh pengaruh seni muzik Islam. Menurut sejarah, seni muzik ini dipercayai diperkenalkan oleh Dato' Purba Jelai dan disebarikan secara turun temurun dari satu generasi kepada generasi yang lain. Terdapat tiga rentak utama dalam proses paluan gendang Pahang iaitu, rentak pembukaan, rentak membunuh dan rentak mati di samping rentak-rentak sampingan yang lain. Antara lagu popular yang sering dimainkan oleh paluan gendang seperti Samaderas, Kambing Berlaga, Lenggang Janda, Bujang Hilir dan Raja Berangkat. Terdapat lebih 100 lagu tradisional Pahang yang dimainkan oleh paluan gendang Pahang. Antaranya ialah, Raja Beradu, Raja Berangkat, Kambing Belaga, Tupai Mencalat, Gendang Bersunat dan Gobek Sireh. Gendang Pahang turut dimainkan dalam upacara rasmi seperti majlis perkahwinan dan adat-istiadat istana di samping untuk mengiringi persembahan silat dan tarian Inai. Gendang Pahang sesuai untuk dimainkan oleh golongan lelaki dan golongan wanita (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, n.d.).

Selain daripada gendang Pahang, permainan Gasing Pangkah juga merupakan mainan tradisi masyarakat Pahang. Secara tradisinya, permainan ini akan dimainkan setiap kali untuk menuai hasil padi. Gasing merujuk kepada satu permainan yang diperbuat daripada bongkah kayu, mempunyai paksi dan diputar di atas tanah dengan bantuan tali yang ditarik secara kuat. Dewasa ini, permainan dan pembuatan gasing pangkah kurang diminati terutamanya dalam kalangan golongan belia kerana kurang kemahiran disamping memerlukan tahap kesabaran yang tinggi. Hal ini kerana, gasing tersebut perlu dililit dengan tali berukuran 3-5 meter dan memerlukan tenaga yang kuat untuk melepaskan tali tersebut. Malah, untuk memusingkan gasing memerlukan petua-petua yang tertentu. Sebagai contoh, sebelum melempar gasing, kedudukan badan pemain tidak boleh secara menegak. Ianya harus dibengkokkan kira-kira 45 darjah dan perlu dalam keadaan postur yang selesa untuk melempar. Tangan pemain harus ditarik sedikit kuat untuk memastikan putaran gasing boleh berpusing dalam jangka masa yang agak lama. Selain itu, untuk memastikan permainan gasing lebih

menarik, pemain gasing boleh memangkah gasing pihak lawan untuk menggamatkan lagi suasana permainan (Yusnizam et al., 2021).

Selain itu, masyarakat negeri Pahang turut terkenal dengan amalan upacara nyanyian nazam berendoi yang berasal daripada masyarakat Melayu kampung di pesisir Sungai Pahang pada zaman dahulu kala. Sehingga kini, masyarakat Melayu di Pahang tidak kira dari kumpulan lelaki dan wanita masih mengamalkan nyanyian nazam berendoi. Teks nazam berendoi di ambil daripada Kitab Berzanji Maulud yang terdiri daripada doa dan puji-pujian kepada Allah dan Nabi Muhammad SAW. Bait-bait yang didendangkan mempunyai pelbagai nasihat dan pengajaran untuk membentuk keperibadian terpuji seseorang Muslim. Upacara nyanyian Nazam Berendoi kebanyakannya didendangkan dalam majlis doa selamat seperti majlis mencukur rambut bayi yang baru saja dilahirkan untuk meraih keberkatan daripada Allah SWT. Kebiasannya, upacara nyanyian ini dibuat dalam bulatan dengan dimulai alunan Asma'ul Husna'ul 99 nama Allah diikuti dengan bacaan surah al-Fatihah. Kemudian, salah seorang ahli kumpulan akan membacakan bait-bait yang di ambil daripada bab Kitab Berzanji. Manakala, ahli yang lain akan menyahut dengan menyebut nama 'Allah' secara kuat sebelum memulakan upacara mencukur rambut bayi. Selawat kepada Nabi Muhammad SAW turut dialunkan dalam upacara ini (S, 2021).

Selain daripada Nazam Berendoi, masyarakat Negeri Pahang turut terkenal dengan dendangan Dikir Rebana. Ada sesetengah masyarakat menggelarkan Dikir Rebana sebagai 'Dikir Pahang'. Ia merupakan sejenis persembahan tradisional yang mempunyai unsur-unsur nasihat yang amat popular dalam kalangan masyarakat Pahang yang tinggal di sepanjang sungai Pahang pada zaman dahulukala. Namun kini, hanya segelintir masyarakat sahaja yang meminati dengan muzik Dikir Rebana disebabkan oleh faktor perkembangan sosio-budaya masyarakat. Dikir rebana terdiri daripada dua jenis dikir iaitu, Dikir Maulud Rebana dan Dikir Berdah yang popular di kawasan Kuala Sungai Luit daerah Maran dan sekitar Kuala Lipis. Persembahan Dikir Rebana banyak dimainkan dalam upacara rasmi seperti kenduri kendara dan majlis kesyukuran yang lain seperti goyong-royong untuk meraikan penat lelah masyarakat selepas bertungkus-lumus untuk membuat persiapan sesuatu majlis. Dikir rebana turut disimbolikan sebagai permainan yang berbentuk ensembel yang hanya boleh dimainkan oleh kumpulan yang mempunyai semangat kekitaan yang utuh. Ini kerana, permainan ini memerlukan kerjasama yang erat disamping penghayatan yang mendalam (Jamal & Daeng, 2020).

Seni Pertukangan Perahu Tradisional Pahang

Masyarakat Negeri Pahang turut terkenal dengan kemahiran pertukangan perahu yang halus dan unik. Elemen seperti tumbuh-tumbuhan, kaligrafi Islam, geometri, corak abstrak mulai digunakan apabila agama Islam mulai tersebar dalam kalangan masyarakat di Pantai Timur. Tujuannya untuk menggantikan unsur-unsur motif yang mempunyai unsur pemujaan. Antara perhiasan yang menjadi pilihan para pengukir perahu adalah ukiran linggi, bangau, okok, caping, sangga tengah, sangga kemudi, cagak, dan koyang. Perhiasan ini banyak digunakan dalam kalangan pengukir perahu di sekitar Pantai Timur termasuk Pahang (Abdul Wahab et al., 2014). Pembinaan perahu jalur sebagai contohnya, menjadi bukti kecerdikan pengukir perahu Pahang yang diasaskan oleh masyarakat orang Asli di sekitar Sungai Tembeling, Sungai Jelai dan Sungai Lebar di negeri Pahang. Sehingga kini, hanya ada sekelompok kecil yang mahir dalam pertukangan pembuatan perahu Jalur. Perahu jalur mempunyai keistimewaan tersendiri kerana kekukuhannya yang diperbuat daripada sebatang balak yang kebiasaannya diambil di hutan. Antara keistimewaan perahu jalur ialah mempunyai ketahanan yang lebih baik berbanding perahu papan atau rakit. Bahkan, boleh melebihi 15 tahun dari segi ketahanannya terutamanya dalam menelusuri celah-celah batu yang tajam. Selain itu, dari segi kos pembelian juga lebih murah berbanding (Said, 1989). Sehingga kini, perkhidmatan perahu jalur masih digunakan di sekitar Sungai Tembeling sebagai nadi pengangkutan air kepada pengguna untuk menangkap ikan, membawa hasil tanaman dan membawa haiwan ternakan selain untuk membawa penumpang singgah ke daerah Jerantut terutamanya bagi masyarakat yang tinggal di kawasan pedalaman. Walaupun, infrastruktur jalan raya telah ada, masyarakat masih bergantung dengan pengangkutan perahu untuk sampai ke destinasi di sekitar kawasan Hulu Tembeling. Selain itu, penggunaan perahu juga menjadi tarikan utama pelancong untuk melawat Taman Negara di Kuala Tahan (Mazdi et al., 2016).

Dari segi ukiran perahu, motif bangau ada digunakan dalam pembuatan perahu di negeri Pahang selain menggunakan motif tumbuh-tumbuhan yang lain. Ianya digunakan sebagai simbolik kepada semangat nelayan yang jitu dalam mengharungi badai ombak ketika mencari rezeki selain untuk mengindahkan bentuk perahu. Malah, nelayan turut menjadikan motif bangau sebagai simbolik kepada tiang layar iaitu, tempat untuk bergantung ketika pelayaran (Rahman et al., 2011). Selain di Pahang, motif bangau turut digunakan di kawasan Pantai Timur yang Pulau Gajah, Pantai Kemasin, Tok Bali dan Pantai Senak di Kelantan. Malah, hasil daripada wawancara dengan penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Mohd Rohaizat Abdul Wahab, berpendapat penggunaan motif bangau pada perahu dipengaruhi elemen ritual selain simbolik kepada sifat kepahlawanan, dan perlindungan daripada unsur mara bahaya. Ukiran bangau juga turut diukir dengan menyerupai burung, kepala naga, watak wayang kulit, tombak dan bulan sabit untuk menjadikannya lebih indah (Berita Harian, 2015).

Seni Pembuatan Tembikar Tradisional Pahang

Pembuatan tembikar tradisional Pahang atau dikenali sebagai tembikar terenang merupakan antara salah satu contoh bakat kesenian yang dimiliki oleh masyarakat Pahang. Malah, turut dicatatkan dalam karya Sulatus Salatun (Ahmad, 1979) tentang kewujudan tembikar ini seperti yang telah disebut oleh Tun Sri Lanang (1612):

“Barang maklumlah Duli yang Dipertuan, inilah banyak bilangan harta hamba sahaya patik itu yang disuratkan tiga hari tiga malam, pertama-tama harta patik itu talam tiada berbibir lagi pasu satu, dan bokor pecah atas Terenang Pahang. Sumbing satu, dan pinggan retak China satu, dan mangkuk retak satu, dan piring karang satu, dan periuk tembaga satu

putus bibirnya, dan belanga keeling tembaga satu; dan budak tiga orang-seorang si Berkat namanya berkayuh diburitan lagi membawa pedang; Selamat seorang namanya, duduk berkayuh diburitan, lagi membawa pedang; Selamat seorang namanya, duduk membina ruang, lagi epok, lagi membawa pengudat.”

Tanah liat merupakan bahan utama yang digunakan dalam menghasilkan tembikar tembikar terenang. Kebiasaannya tanah liat diambil daripada sekitar kawasan sungai. Proses pembuatannya memerlukan kesabaran yang tinggi kerana melibatkan beberapa langkah yang tertentu seperti membentuk tanah liat, menjemur dan pembakaran untuk memastikan tembikar yang dihasilkan berkualiti tinggi dan tahan lama. Menurut hasil kajian yang dilaksanakan oleh Ayob (2011), terdapat beberapa tempat yang pernah popular dengan pembuatan tembikar. Antaranya ialah, Perak di daerah Sayong, Pulau Tiga, Lenggong dan Bukit Gantang dan Krain di Perak utara, Kedah di daerah Alor Merah, di Pahang daerah Kuala Tembeling, di Kelantan daerah Kampung Laut dan Kampung Periuk. Manakala, di Pulau Pinang daerah Seberang Prai serta di Pahang di daerah Kuala Tembeling iaitu, di kawasan Pasir Durian. Sehingga kini, terdapat empat lokasi yang masih giat aktif dalam menjalankan perusahaan dan pembuatan tembikar di Malaysia iaitu di Perak, Kelantan dan Kuala Tembeling, Pahang.

Di Kuala Tembeling, pembuatan tembikar terenang masih lagi popular dan giat diusahakan terutamanya di kawasan Kampung Pasir Durian. Tanah liat merupakan bahan asas yang diambil daripada kawasan khas yang direzabkan khas kepada pengusaha. Lebih menarik, terdapat pantang larang yang perlu diamalkan sebelum mengambil tanah liat. Antaranya ialah, wanita yang dalam keadaan haid tidak digalakkan untuk mengambil tanah liat kerana bimbang akan rasa ‘berangin’. Selain itu, perlu dimulai dengan doa dan berselawat kepada Rasulullah SAW untuk mendapat keberkatan daripada Allah SWT disamping menisbahkan rasa kesyukuran kepada Allah SWT kerana mengizinkan proses pengambilan berjalan lancar. Manakala tanah liat yang terbaik adalah berkilat, likat dan kenyal. Manakala, unsur motif yang digunakan untuk mengukir tembikar ini ialah berteraskan unsur alam semulajadi, flora, fauna dan benda-benda yang terdapat di sekeliling masyarakat. Sebelum kedatangan Islam, motif yang digunakan ialah berupa manusia disebabkan oleh pengaruh agama hindu di Tanah Melayu. Kemudian, selepas kedatangan Islam motif berunsurkan alam semula jadi telah mula digunakan untuk mengelakkan terjebak dengan unsur-unsur mensyirikkan Allah SWT (Hassan & Mohamad, 2021).



Rajah 1. Reka bentuk tembikar terenang (Ayob, 2011)

Kajian yang telah dilaksanakan oleh (Awang et al., 2019) memberikan penerangan secara terperinci motif yang telah digunakan dalam pembuatan tembikar terenang. Antaranya ialah menggunakan ukiran flora seperti pucuk rebung, belah rotan, bunga padi, bunga bayam peraksi, rumput kaki angsa, bunga palas, bunga ulan, bunga pech empat dan alur nibung. Selain itu, ukiran flora juga turut digunakan sebagai simbolik kepada haiwan yang ada di sekeliling komuniti Hulu Tembeling. Antaranya ialah motif tapak itik motif, tapak Rusa atau pelanduk dan belalang secucuk. Motif objek juga turut digunakan dalam ukiran tembikar terenang seperti corak geometri dan bentuk-bentuk seperti segi empat penjuru, segi enam, segi tiga, segi lima, segi lapan, dan segi panjang. Corak tali jerut ada juga mendapat pilihan dalam segelintir pengusaha tembikar terenang. Mutakhir, corak kosmologi seperti bulan sabit dan corak bunga tubuh ada digunakan juga dalam kalangan pembuat tembikar terenang dalam mempelbagaikan lagi corak. Walaubagaimanapun disebabkan oleh kekangan kos operasi dan perkembangan teknologi, sebahagian daripada corak tidak lagi digunakan pada masakini. Motif seperti cap tali dan tali air antara motif yang masih lagi digunakan dalam seni ukiran tembikar terenang di Kuala Tembeling, Pahang. Secara tuntasnya, faktor persekitaran memainkan peranan yang penting dalam mencorakkan gaya fikir pengusaha tembikar terenang dalam mempersembahkan idea seni ukiran. Ini telah menjadi bukti kearifan masyarakat tempatan sejak zaman dahulu kala walaupun perkembangan teknologi agak terhad dan bersifat tradisional. Pembuatan tembikar terenang ini merupakan khazanah yang perlu dipelihara supaya menjadi tatapan generasi pada masakini dan akan datang supaya tidak lapuk dek hujan dan tidak lekang dek panas.

Perbincangan dan Rumusan

Secara umumnya, penulisan artikel ini membincangkan peranan kearifan tempatan sebagai asas utama membentuk citra kesenian di negeri Pahang. Ini menjadi bukti bahawa masyarakat negeri Pahang mempunyai tahap intelektual yang tinggi sehingga mampu memanifestasi idea kepada realiti hasil interaksi dengan alam dan bahan-bahan semulajadi tempatan di

sekeliling (Yusof & Ramli, 2020). Berdasarkan sumber-sumber kepustakaan yang dikumpulkan, analisis perbincangan difokuskan kepada tiga elemen utama kearifan tempatan iaitu dalam Jadual 1. Rumusan kearifan masyarakat negeri Pahang mengikut kategori kesenian adalah berdasarkan Jadual 2.

Jadual 1. Elemen kearifan tempatan terhadap citra kesenian di Negeri Pahang

No.	Elemen kearifan tempatan	Penerangan
1.	Adaptasi dengan Nilai Islam dan alam semulajadi	<ul style="list-style-type: none"> • Kearifan tempatan di negeri Pahang dipengaruhi oleh proses Islamisasi yang mengubah persepsi masyarakat daripada menggunakan estetika seni daripada motif figura Hindu-Budha kepada motif flora, fauna, dan geometri (Rosdi, 2017). • Selain itu, penggunaan motif dedaunan dalam Tenun Pahang Diraja dan Batik Lukis bukan sekadar hiasan, malah merupakan manifestasi untuk menghargai ciptaan Allah SWT (Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, 2024).
2.	Adaptasi sumber alam dan teknologi tradisional	<ul style="list-style-type: none"> • Masyarakat negeri Pahang amat bijaksana memanfaatkan sumber alam. Sebagai contoh, pembinaan perahu Jalur yang mampu bertahan lebih 15 tahun walaupun terpaksa melalui sungai-sungai berbatu (Said, 1989). • Begitu juga dengan penghasilan asam rong di Ulu Tembeling yang menggunakan teknik penapaian biji getah sebagai inovasi makanan untuk kelestarian simpanan (Yusof, 2022).
3.	Adaptasi elemen spiritual dalam kesenian	<ul style="list-style-type: none"> • Masyarakat negeri Pahang menggunakan teks daripada Kitab Berzanji Maulud dalam Nazam Berendoi yang mengandungi puji-pujian kepada Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW. Ini bertujuan untuk meraih keberkatan dalam majlis seperti mencukur rambut bayi (S, 2021). • Selain itu, pengusaha tembikar terenang memulakan proses pengambilan tanah liat dengan bacaan doa dan selawat sebagai tanda kesyukuran dan mengharapkan perlindungan daripada Allah SWT. (Hassan & Mohamad, 2021).

Jadual 2. Rumusan kearifan masyarakat Negeri Pahang berdasarkan kategori kesenian di Negeri Pahang

No.	Kategori Kesenian	Kearifan tempatan	Lokasi	Sumber
1.	Tenun Diraja Pahang	Kemampuan mengadaptasi unsur islamisasi dalam hasil tenunan yang ditonjolkan seperti motif bunga dan dedaunan.	Daerah Pekan, Kampung Soi, Felda Chini, Bentong, Penor dan Rompin.	(Rosdi, 2017)
2.	Makanan Warisan Tradisi Pahang	Kemampuan menggunakan bahan-bahan tempatan untuk menghasilkan resepi makanan warisan yang mempunyai rasa yang digemari oleh orang ramai.	Daerah Lipis, Chenor, Temerloh dan Ulu Tembeling.	(Mohd Taufiq, 2020)
3.	Batik Lukis Pahang	Kemampuan mengadaptasi unsur islamisasi melalui penggunaan motif flora dan abstrak.	Balok, Kuantan.	(Ramli et al., 2018)
4.	Peralatan seni dan muzik tradisional pahang	Kemampuan mencipta seni hiburan berunsurkan Islamik seperti penggunaan gendang Pahang ketika mendendangkan bait-bait zanjil dalam Nazam Berendoi.	Masyarakat Melayu di Pesisir Sungai Pahang.	(S, 2021)
5.	Seni pertukangan perahu tradisional Pahang	Kemampuan membina perahu yang kukuh menggunakan kayu balak dengan ukiran yang halus dan unik.	Hulu Tembeling dan Kuala Tahan	(Said, 1989)
6.	Seni pembuatan tembikar tradisional Pahang	Kemampuan membuat tembikar menggunakan tanah liat yang khusus sahaja serta kemampuan memikirkan pantang larang yang praktikal dalam memproses tanah liat untuk dijadikan sebagai tembikar terenang.	Hulu Tembeling	(Hassan & Mohamad, 2021)

- Astro Awani. (2024). *Roti orang mati menu unik masyarakat Pahang*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/roti-orang-mati-menu-unik-masyarakat-pahang-485021>
- Awang, A., Som, S. M., Marzuki, I. N., & Saari, F. A. (2020, March). A study toward the influences affecting design and motifs of terenang pottery. In *4th International Conference on Arts Language and Culture (ICALC 2019)* (pp. 230-246). Atlantis Press. <https://doi.org/10.2991/assehr.k.200323.028>
- Ayob, S. (2011). *Kesinambungan perubahan pemerian jasad dan rupa tembikar pra sejarah kepada tembikar tradisi Melayu*. Doctoral thesis, Universiti Sains Malaysia.
- Berita Harian. (2017, July). *Motif bangau, perahu Melayu Pantai Timur*. <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2017/07/43166/motif-bangau-perahu-melayu-pantai-timur>
- Bernama. (2023, November 19). *Pahang perkasa pelancongan gastronomi, bantu tingkat pendapatan usahawan*. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2245817>
- Bernama. (2020, May 3). *Kuih warisan "tiga beradik" dinanti setiap Ramadan*. <https://www.bharian.com.my/-berita/wilayah/2020/05/684526/kuih-warisan-tiga-beradik-dinanti-setiap-ramadan>
- Daya, D. L., Michael, V., & Abu Bakar, M. F. (2024). A conceptual framework in curatorial practices in new media art in the Malaysian art scene. *International Journal of Art and Design*, 8(2/SI), 143-153.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi keempat). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- E-Central. (2024). *21 makanan tradisional yang diwartakan sebagai warisan negara*. <https://ecentral.my/makanan-tradisional/#h-makanan-tradisional-rakyat-malaysia-nbsp>
- Fauzy, B. (2012). Konsep kearifan lokal dalam arsitektur rumah tinggal masyarakat Kota Pesisir Utara Jawa Kasus Studi: Arsitektur rumah tinggal di Kampung Sumber Girang-Lasem. *Research Report-Engineering Science*, 1, 11-53.
- Haisam, N. N. M. (2024). *Pahang peruntuk RM15 juta bagi usahawan miliki sijil halal*. <https://pahangmedia.my/archives/41814>
- Ibrahim, H. (2020). *Pahang yang luar biasa*. <https://fikrahpahang.com.my/pahang-yang-luar-biasa/>
- Ismail, A. R., Hasan, A., & Mohamed Rosdi, S. (2016). Alam sebagai sumber reka bentuk motif-motif seni hiasan fabrik masyarakat Melayu. In *Proceedings of ISME Colloquium 2016: Pengukuhan Budi dan Jati Diri, Tanjung Bidara Resort, Melaka*.
- Abdul Jabbar, H., Bujang, R., Hamidon, N. A., & Ab Aziz, A. (2015). Tenun Pahang Diraja: Melestarikan kesenian warisan Melayu melalui aktiviti tenun dalam kalangan banduan. In *ICOMHAC 2015 e-proceedings*, 16–17 Disember 2015, Langkawi, Kedah, Malaysia (pp. 648–660).
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. (n.d.). *Muzik tradisional gendang Pahang*. <https://pemetaanbudaya.jkkn.gov.my/senibudaya/detail/765/pengenalan>
- Jamal, N. M. R., & Daeng, D. H. (2020). Pemuliharaan Dikir Rebana: Tinjauan di Maran, Pahang. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 33(Isu Khas), 35–41.
- Jundiani. (2018). Local wisdom in the environmental protection and management. *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science*, 175(1), 012130. <https://doi.org/10.1088/1755-1315/175/1/012130>
- Majlis Perbandaran Kuala Lipis. (2025). *Nasi kebuli*. <https://www.mdlipis.gov.my/ms/pelawat/makan/page/0/2>
- Majlis Perbandaran Temerloh. (2024). *FESKEP 2024 tampilkan keunikan pelbagai etnik dan budaya masyarakat peribumi*. Retrieved February 16, 2025, from <https://www.mpt.gov.my/ms/mpt/pusat-media/berita/feskep-2024-tampilkan-keunikan-pelbagai-etnik-dan-budaya-masyarakat-peribumi>
- Marzuki, M., Nurul Ain, R. K., Rosmiza, M. Z., Muhammad Hasbi, A. R., & Jabil, M. J. (2016). Kualiti perkhidmatan pengangkutan air awam di pedalaman Hulu Tembeling, Pahang. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 12(14), 31–40
- Mohamad, S., & Hassan, H. (2021). Estetika tembikar tradisional Terenang, Pahang. *International Journal of Education, Islamic Studies and Social Sciences Research*, 6(1), 101-111.
- Mohd Sukri, S. J. (2021). *A framework on prohibition of animal plasma in halal surimi products* [Master's thesis], International Islamic University Malaysia.
- Piper, E. (2001). *Batik: For artists and quilters*. Search Press.
- Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. (2024). *Allahyarhamah Puan Azizah binti Ismail*. <https://kraftangan.gov.my/info/adiguru-kraf/allahyarhamah-puan-azizah-binti-ismail>
- Portal Rasmi Istana Pahang. (2024). *Pengenalan negeri Pahang*. <https://istanapahang.my/pengenalan-negeri-pahang/>
- Rosele, M. I., & Ali, A. K. (2019). Konsep kearifan tempatan menurut perspektif hukum Islam: The concept of local wisdom in the Islamic Law Perspective. *Jurnal Fiqh*, 16(1), 1-24. <https://doi.org/10.22452/fiqh.sp2019no1.1>
- Mohamed Rosdi, N. (2017). Kesenian warisan Islam dan budaya Pahang. *International Journal of Creative Future and Heritage*, 5(1), 74–102. <https://doi.org/10.47252/teniat.v5i1.264>
- Nik Abdul Rahman, N. H. S., Ramli, Z., Yatim, O., Ahmad Zakaria, R. M., & Wan Ibrahim, W. S. (2012). Kesenian Melayu Islam: Jiwa Islam dalam pengkaryaan. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 25, 25–36.
- Ramli, S., Abdul Rani, M. K. A., & Mohd Zamari, Z. (2017). Exploration of batik lukis motifs as a medium of art communication in Pahang. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 33(1), 173–183. <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2017-3301-12>
- Ramli, S., Musa Kahn, S., & Yaacob, M. N. (2018). Representasi motif batik lukis di Negeri Pahang: Satu kajian literatur. *Jurnal Pengajian Melayu*, 29(1), 201–222. <https://doi.org/10.22452/JOMAS.vol29no1.9>
- Mohamed Rosdi, N. (2017). Kesenian warisan islam dan budaya Pahang. *International Journal of Creative Future and Heritage*, 5(1), 74–102. <https://doi.org/10.47252/teniat.v5i1.264>

- Silahudin, S. (2021). Kajian unsur budaya dalam nazam berendoi dan dikir rebana di Pahang. *Pertanika Mahawangsa*, 8(2), 1–15.
- Said, I. (1989). Seni pertukangan perahu jalur negeri Pahang. *Jurnal Teknologi (Sciences & Engineering)*, 46-53.
- Shariff, S. N. F. A., Sulong, S. N., Omar, M., & Ideris, M. S. K. (2022). Makanan asli warisan Negeri Sembilan, Pahang dan Utara. In M. S. Mohd Zahari & N. F. Hashim (Eds.), *Bab dalam buku siri 1 pelestarian warisan makanan tradisional Melayu* (pp. 107–124). Jabatan Warisan Negara.
- Siti Z. I. (1985). *Getaran jalur dan warna*. Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Sulung, U., & Maspawi, M. (2024). Memahami sumber data penelitian: Primer, sekunder, dan tersier. *Edu Research: Jurnal Penelitian Pendidikan*, 5(3). <https://doi.org/10.47827/jer.v5i3.238>
- Sukri, S. J. M., & Wan Mokhtar, W. K. A. (2025, November 28). *Makanan warisan simbolik kearifan masyarakat setempat*. <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=2496536>
- Tracy, S. J. (2013). *Qualitative research methods: Collecting evidence, crafting analysis, communicating impact* (1st ed.). Wiley-Blackwell.
- VisitMalaysia. (n.d.). *Natural batik village, Kuantan, Pahang: Show-factory & heritage centre*. Retrieved December 10, 2025, from <https://visitmalaysia.info/kuantan/natural-batik-village>
- Waruwu, M. (2024). Pendekatan penelitian kualitatif: Konsep, prosedur, kelebihan dan peran di bidang pendidikan. *Afeksi: Jurnal Penelitian dan Evaluasi Pendidikan*, 5(2), 198–211. <https://doi.org/10.59698/afeksi.v5i2.236>
- Yasmin, N. F., Latip, A., & Zainal Abidin, M. R. (2022). Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas: Sambal hitam Pahang—tradisi, inovasi dan potensi pengkomersialan. In M. S. Mohd Zahari & F. Hashim (Eds.), *Bab dalam buku siri 1 pelestarian warisan makanan tradisional Melayu* (pp. 340–353). Jabatan Warisan Negara.
- Yusnizam, M. H., Nazar, S. S., & Shoid, M. S. M. (2021). Keligatan bertempur: Sejarah permainan dan pembuatan gasing pangkah Pahang. *Jurnal Sejarah Lisan Malaysia*, 5(3), 39–56.
- Yusof, N. (2022). *Duta negara ASEAN anggap produk pelancongan Pahang unik*. Sinar Harian.
- Yusof @ Salleh, M. Y., & Ramli, M. A. (2020). Pentakrifan kearifan tempatan: Suatu sorotan. *Jurnal Melayu*, 19(2), 175–185.